

**KONSEP *QARĀ'IN AL-TARJĪH* DAN APLIKASINYA DALAM KITAB
AL-TAMYĪZ KARANGAN MUSLIM BIN AL-ḤAJJĀJ**

*The Concept Of Qarā'in Al-Tarjīh And Its Application In The Book Al-Tamyīz By
Muslim Bin Ḥajjāj*

ⁱDzulfaidhi Hakimie Dzulraidi

ⁱⁱDanial Hazim Ayub

ⁱⁱⁱMuhammad Taufiq Amat Famsir @ Amat Tamsir

ⁱ Calon PhD, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, dzuldzuraidi@gmail.com

ⁱⁱ Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, dnlhzim@gmail.com

ⁱⁱⁱ Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, taufiqtamsir@gmail.com

*(Corresponding author) e-mail: dzuldzuraidi@gmail.com

ABSTRAK

Qarā'in al-tarjīh bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menseleksi antara dua pilihan yang saling bercanggah. Konsep ini ada digunakan dalam ilmu hadith lebih-lebih lagi untuk menyelesaikan masalah 'illah sesebuah hadith. Namun begitu, masih kurang kajian yang menonjolkan praktikal-praktikal tokoh ilmuwan hadith secara tersusun. Antara ilmuwan hadith yang terkenal dalam bidang 'ilal al-hadith ialah Muslim Bin al-Ḥajjāj. Hal ini dibuktikan dengan perakuan daripada ramai ilmuwan hadith yang lain. Begitu juga, bukti secara realiti dapat dilihat daripada karangan beliau dalam cabang ilmu ini berjudul *al-Tamyīz*. Justeru, artikel ini bertujuan membedah konsep dan praktikal *Qarā'in al-Tarjīh* oleh Muslim bin al-Ḥajjāj berpandukan karya *al-Tamyīz*. Kajian menggunakan metode dokumentasi iaitu *al-Tamyīz* sebagai rujukan utama, karya-karya klasik dan kontemporari serta artikel-artikel akademik sebagai pengumpulan data. Selain itu, metode analisis kandungan segala bahan terkumpul akan digunakan dalam kajian ini agar hasil yang tuntas diperoleh. Kajian mendapati Muslim bin al-Ḥajjāj menggunakan sejumlah 17 bentuk *Qarā'in al-Tarjīh* dalam menyelesaikan kesemua masalah 'illah. Namun, bentuk-bentuk *qarīnah* yang digunakan berbeza-beza melihat kepada kes masalah hadith tersebut. Di samping itu, analisis mendapati beliau tidak akan berpada dengan satu *qarīnah*,

bahkan meletakkan sekurang-kurangnya tiga qarānah bagi menyelesaikan isu sesebuah hadith. Hal ini membuka kepada cadangan kajian di masa akan datang iaitu analisis kembali kesemua bentuk-bentuk qarānah yang digunakan oleh Muslim bin al-Ḥajjāj dalam al-Tamyīz.

Kata Kunci: *Qarā'in al-tarjīh*; 'illah; 'ilal al-hadith; Muslim Bin Al-Ḥajjāj; al-Tamyīz

ABSTRACT

The concept of *Qarā'in al-tarjīh* refers to the guidelines used to choose between two conflicting options. This concept is employed in the field of hadith studies, particularly in resolving issues related to the 'illah (hidden defects) of a hadith. However, there is still a lack of prominent studies highlighting the systematic practices of renowned hadith scholars in this area. One such notable figure in the field of 'ilal al-hadith is Muslim bin al-Ḥajjāj, as acknowledged by numerous other scholars in the field. This acknowledgment is further substantiated by his practical contributions in this branch of knowledge, particularly in his work titled al-Tamyīz. This article aims to dissect the concept and practical application of *Qarā'in al-Tarjīh* by Muslim bin al-Ḥajjāj based on his work al-Tamyīz. The study employs a documentation method, using al-Tamyīz as the primary reference, along with classical and contemporary works, as well as academic articles for data collection. Additionally, content analysis is employed to thoroughly examine the gathered materials for comprehensive results. The study reveals that Muslim bin al-Ḥajjāj utilized a total of 17 forms of *Qarā'in al-Tarjīh* in addressing all 'illah-related issues. However, the specific types of qarānah used varied depending on the nature of the hadith problem. Furthermore, the analysis indicates that he did not rely on a single qarānah but often considered at least three qarānahs to resolve a given hadith issue. This opens avenues for future research, suggesting a reevaluation of all the forms of qarānah employed by Muslim bin al-Ḥajjāj in al-Tamyīz.

Keywords: *Qarā'in al-tarjīh*; 'illah; 'ilal al-hadith; Muslim Bin Al-Ḥajjāj; al-Tamyīz

LATAR BELAKANG KAJIAN

Dalam perbincangan *'Ilal al-Hadīth*, ilmuwan hadith akan menggunakan pendekatan *al-Tarjīh* (memilih salah satu riwayat) di antara riwayat-riwayat yang mempunyai percanggahan antara satu dengan yang lain. Walaupun demikian, pendekatan *al-Jam'u* (menghimpunkan riwayat kepada satu makna) akan turut digunakan sekiranya dalil-dalil dan *qarā'inah* yang digunakan berada pada tahap yang sama. Ini dapat dilihat melalui penulisan kitab yang membahaskan perihal *'ilal* dan *al-tarjīh*, apabila ilmuwan hadith seringkali memenangkan satu riwayat ke atas riwayat yang lain.¹

Seterusnya, ilmuwan hadith akan menggunakan pendekatan melihat kepada *dalīl* dan *qarā'in* yang ada dalam mentarjihkan sesuatu hadith. *Qarā'in al-Tarjīh* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menseleksi antara dua pilihan yang saling bercanggah. Konsep ini ada digunakan dalam ilmu hadith lebih-lebih lagi untuk menyelesaikan masalah *'illah* sesebuah hadith. Ini sebagaimana yang dinyatakan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī bahawa ilmuwan hadith tidak menghukumkan hadith secara bebas, sebaliknya mereka akan mentarjih dengan melihat kepada *qarā'in* yang ada pada sesuatu hadith.² Secara hakikatnya *qarā'in* yang digunakan ilmuwan hadith begitu banyak sehingga tidak terhitung jumlahnya, bahkan tidak ada suatu penanda aras yang mengikat antara *qarā'in* yang wujud. Ini dapat dilihat daripada kalam al-San'ānī bahawa cara pentarjihan sangatlah banyak sehingga dianggap tidak ada pengikat antara satu sama lain.³ Walau demikian, berdasarkan penelitian dan pengkajian yang lanjut, beberapa *qarā'in* yang menjadi kegunaan kebanyakan ilmuwan hadith tetap dapat dihimpunkan. Misalnya, 'Ādil al-Zuraqī telah mengkaji, menghimpunkan serta membahagikan *qarā'in* kepada dua bahagian iaitu *qarā'in 'āmmah* dan *qarā'in khaṣṣah*, dan setiap daripada bahagian itu mempunyai jenis-jenisnya yang tersendiri.⁴

¹ 'Ādil bin 'Abd al-Shakūr, *Qawā'id al-'Ilal wa Qarā'in al-Tarjīh* (Mesir: al-Rawḍah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2017), 63

² Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *al-Nukat 'alā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ* ed. Rabī' bin Ḥādī al-Madkhalī (Madinah: 'Umādah al-Baḥṡ al-'Ilmī bi al-Jāmi'ah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah, 1984), 2:687

³ Muḥammad bin Ismā'īl al-Ṣan'ānī, *Tawḍīḥ al-Afkār li Ma'ānī Tanqīḥ al-Anzār* ed. Abu 'Abd al-Rahmān Ṣalāḥ bin Muḥammad bin 'Uwayḍah (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997), 2:28

⁴ Lihat: 'Ādil bin 'Abd al-Shakūr, *Qawā'id al-'Ilal wa Qarā'in al-Tarjīh* (Mesir: al-Rawḍah li al-Nashr wa al-Tawzī', 2017), 66-133

Namun begitu masih kurang kajian yang menonjolkan praktikal-praktikal tokoh ilmuwan hadith secara tersusun. Kebanyakan kajian masih dalam ruang lingkup kaedah-kaedah *qarā'in al-tarjīh* secara umum sebagaimana yang dilakukan oleh 'Ādil al-Zuraqī dan lain-lain. Sebuah kajian khusus berkenaan praktikaliti ilmuwan hadith semisal Muslim bin al-Ḥajjāj, Muḥammad bin 'Īsa al-Tirmidhī, Ibn Ḥajar al-'Asqalānī perlu dijalankan bagi mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan manhaj dan kaedah yang dilakukan, seterusnya membolehkan untuk memahami manhaj setiap ilmuwan hadith dalam berinteraksi dengan *'ilal al-ḥadīth* melalui kaedah *al-tarjīh*.

Justeru itu, kajian ini akan mengenal pasti perihal konsep *qarā'in al-tarjīh* serta aplikasinya oleh seorang daripada ilmuwan hadith klasik iaitu Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysābūrī berpandukan karya al-Tamyīz. Justifikasinya, beliau merupakan antara ilmuwan hadith di zaman awal perkembangan ilmu hadith yang menyebut serta mengaplikasikan konsep *qarā'in al-tarjīh* melalui karya beliau iaitu *al-Tamyīz*.⁵

Biografi Muslim Bin Al-Ḥajjāj

Beliau ialah Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj bin Muslim al-Qushairī al-Naysābūrī. Beliau berketurunan daripada Bani Qushayr, sebuah kabilah Arab yang terkenal.⁶ Sebahagian ilmuwan seperti al-Dhahabī dan Ibn Ḥajar al-'Asqalānī menukilkan bahawa Muslim telah dilahirkan pada tahun 204 Hijrah.⁷ Maḥmūd Fākhūrī pula menyatakan bahawa pandangan yang benar ialah Muslim lahir pada tahun 206 Hijrah di kota Naisabur.⁸ Beliau telah mula mendengar dan mempelajari hadith ketika berusia 18 tahun bersama Yaḥyā bin Yaḥyā al-

⁵ Sa'ūd 'Abd Allāh al-Maṭrī, "*Qarā'in 'Ilāl wa Tarjīh al-Riwāyāt min Khilāl Kitābay al-Tamyīz li Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī wa al-'Ilāl li Ibn Abī Ḥātim al-Rāzi Dirāsah Nazariyah Taṭbīqiyah*", *Majalah Markaz al-Buḥūth wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 40 (t.t), 115

⁶ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā' wa al-Lughāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t), 2:89

⁷ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A'lām al-Nubalā'* ed. Bashār 'Awwād Ma'rūf (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 12:557, Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb* ed. Ibrāhīm al-Zabīq dan 'Ādil Mushid (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2014), 4:67

⁸ Maḥmūd Fākhūrī, *al-Muslim bin al-Ḥajjāj bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī Ḥayātuhu wa Ṣaḥīḥuhu* (Mesir: Dār al-Salām li al-Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī' wa al-Tarjamah, 2016), 35.

Tamīmī.⁹ Seterusnya, beliau telah bermusafir ke Iraq, Hijaz, Syam dan Mesir dan mendengar hadith daripada tokoh-tokoh di setiap wilayah berkenaan.¹⁰

Muslim telah berguru dan meriwayatkan hadith daripada sejumlah perawi yang ramai sehingga mencecah 220 orang dan dimasukkan ke dalam *Ṣaḥīḥnya*.¹¹ Antara guru-gurunya menurut al-‘Asqalānī ialah al-Qa’ nabī, Aḥmad bin Yūnus, Ismā’īl bin Abī Uways, Dāwūd bin ‘Amr, al-Haitham bin Khārijah, Sa’īd bin Manṣūr dan ramai lagi.¹² Selain itu, Muslim juga telah mengikuti dan berguru dengan Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī dalam suatu tempoh yang lama. Al-Khaṭīb al-Baghdādī menceritakan bahawa ketika al-Bukhārī datang ke kota Naisabur di akhir usianya, Muslim telah mendampingi sentiasa dan menekuni ilmu daripadanya seterusnya mengikuti jejak langkah al-Bukhārī dalam metodologi dan keilmuan dalam bidang hadith. Ini dapat difahami melalui kata-kata al-Dāraqūṭnī bahawa seandainya tiada al-Bukhārī, maka Muslim tidak akan tidak akan mencapai kedudukannya dalam hadith seperti hari ini.¹³

Muslim juga telah melahirkan ramai anak murid, antaranya sebagaimana yang disebutkan al-‘Asqalānī ialah al-Tirmidhī, Abū al-Faḍl Aḥmad bin Salamah, Ibrāhīm bin Abī Ṭālib, Abū ‘Amrū al-Khafāf, Ibn Khuzaymah, Abū Muḥammad bin Abī Ḥātim al-Rāzī dan lain-lain lagi.¹⁴ Beliau juga telah menghasilkan sejumlah karya dalam bidang hadith yang menjadi rujukan kepada umat Islam, termasuklah kitab *Ṣaḥīḥnya* yang menjadi magnum opus dalam periwayatan hadith. Al-Nawawī telah menyenaraikan beberapa penulisan Muslim iaitu *al-Musnad al-Kabīr ‘alā Asmā’ al-Rijāl, al-Jāmi’ al-Kabīr ‘alā al-Abwāb, al-‘Ilal, Awhām al-Muḥaddithīn, al-Tamyīz* dan lain-lain lagi.¹⁵

⁹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A’lām al-Nubalā’* ed. Bashār ‘Awwād Ma’rūf (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 12:558

¹⁰ Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād* ed. Bashār ‘Awwād Ma’rūf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002), 15:121

¹¹ Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī, *Siyar A’lām al-Nubalā’* ed. Bashār ‘Awwād Ma’rūf (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 12:561

¹² Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb* ed. Ibrāhīm al-Zabīq dan ‘Ādil Mushid (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2014), 4:67.

¹³ Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād* ed. Bashār ‘Awwād Ma’rūf (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002), 15:121.

¹⁴ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Tahdhīb al-Tahdhīb* ed. Ibrāhīm al-Zabīq dan ‘Ādil Mushid, 4:67.

¹⁵ Abū Zakariyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *Tahdhīb al-Asmā’ wa al-Lughāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t), 2:91.

Pengenalan Kitab *al-Tamyiz*

Pada dasarnya, Muslim bin al-Hajjāj mempunyai dua kitab tulisan beliau yang membincangkan tentang metodologi dan faedah-faedah utama yang bersangkutan paut dengan *sinā'ah ḥadīthīyyah* (seni hadith) iaitu dalam muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim dan kitabnya berjudul *al-Tamyiz*.¹⁶

Dalam *al-Tamyiz* ini juga, Muslim meletakkan muqaddimah yang panjang akan tetapi dapat disimpulkan kepada tiga titik perbincangan utama. Pertama, justifikasi atau sebab beliau menulis kitab ini. Kedua, berbicara tentang aspek kekuatan hafalan bagi seseorang manusia yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu al-ḥāfīz al-mutqīn kemudian al-mutasāhil, dhū ghaflah atau ghayr ḍābiṭ dan terakhir adalah golongan yang menitikberatkan hafalan matan ḥadīth tanpa sanad. Seterusnya membahaskan dari sudut kesilapan yang berlaku dalam hadith yang terbahagi kepada dua kategori iaitu kesilapan yang jelas dan tidak jelas. Bahagian kedua berkisarkan soal keprihatinan tentang pemeliharaan khabar secara sanad dan matan. Lalu menekan perihal seseorang muḥaddith yang perlu mempunyai ciri sebagai mutqīn dan ḍābiṭ dalam perbicaraannya serta menyentuh menyampaikan ḥadīth tanpa sebarang penambahan dan pengurangan. . Setelah itu masuk kepada wacana penilaian keatas perawi dan bila sepatutnya untuk meninggalkan riwayat perawi yang mempunyai kesilapan sama ada kesilapan yang banyak atau kesilapan yang besar. Bahagian ketiga, adalah fokus utama kitab ini yang mana Muslim memuatkan hadith-hadith yang berlaku kesilapan padanya lalu membincangkan cara-cara untuk mengidentifikasinya.¹⁷

Muslim menyebutkan fokus utama kitab *al-Tamyiz* adalah untuk menjelaskan riwayat-riwayat yang berlaku kesilapan atau *ghalaṭ* daripada para perawi.

“Dan dari apa yang telah aku sebutkan kepadamu tentang kedudukan mereka dalam hafalan dan peringkat mereka di dalamnya, maka tidak ada seorang pun dari mereka yang menyampaikan berita dan pembawa ḥadīth dari salaf yang lalu hingga zaman kita sekarang, walaupun dia adalah dari kalangan orang yang paling kuat hafalannya dan paling berhati-hati serta paling cermat dalam apa yang dia hafal dan sampaikan, kecuali bahawa kesalahan dan lupa itu mungkin terjadi dalam

¹⁶ Muslim, *al-Tamyiz*, ed. ‘Abd al-Qādir Muṣṭafā al-’Muḥammadī (al-Su‘ūdīyyah: Dār Ibn al-Jawzī, 2009), 9.

¹⁷ ‘Abd Allāh al-Sa‘d, *al-Wajīz fī Sharḥ Kitāb al-Tamyiz* (t.tp.: t.p., t.t.), 13.

*hafalannya dan penyampaiannya. Maka bagaimana pula dengan mereka yang telah aku sebutkan kepadamu yang cara mereka adalah lalai dan mudah dalam hal itu?”*¹⁸

Seterusnya, beliau mengupas bahawa pembahagian *al-ghalaṭ* atau kesilapan dalam hadith terpecah kepada dua jenis. Pertama, kesilapan yang jelas disisi ahli ilmu kerana mudah untuk mereka mengetahuinya dan kesilapan ini boleh berlaku sama ada dalam sanad mahupun matan. Kedua, kesilapan yang tidak dapat ditemukan melainkan oleh para imam hadith yang berkecimpung dalam bidang ilmu ini Muslim telah sebutkan:

*“Dari sisi yang lain, seorang perawi thiqah meriwayatkan daripada sekumpulan ḥuffāz akan suatu hadith daripada imam hadith semisal al-Zuhrī dengan satu sanad dan satu matan yang disepakati dan tidak mempunyai sebarang perbezaan pada aspek makna, Tetapi, jika datang seorang perawi lain yang meriwayatkannya kemudian berlaku perbezaan melihat kepada sanad dan atau matan hadith yang bercampur aduk, maka jelas bahawa riwayat jamā‘ah al-ḥuffāz lebih ṣaḥīḥ berbanding riwayat perawi yang bersendiria tadi sekalipun perawi tersebut seorang ḥāfiẓ. Berdasarkan kepada mazhab ini, kami melihat pakar ilmuan hadith meletakkan hukum pada hadith seumpama Shu‘bah”, Sufyān b. ‘Uyaynah, Yahyā b. Sa‘īd dan ‘Abd al-Raḥman b. Maḥdī. Kami akan menyebutkan mazhab-mazhab dan pandangan-pandangannya mereka dalam isu hafalan ḥuffāz dan kesilapan muḥaddithīn dalam riwayat yang dapat dijadikan istidlāl secara pasti melalui pentafisran aku kepada engkau insya-Allah”*¹⁹.

Setelah itu, beliau memuatkan riwayat hadith Nabi SAW yang menggesa supaya hadithnya dipelihara dan disampaikan sebagaimana yang didengari. Lalu menyebutkan satu bab sifat taqwa dalam memikul riwayat hadith dan proses penyampaiannya serta penjagaan daripada sebarang tokok tambah atau pengurangan. Selanjutnya, pengkategorian perawi dalam isu periwayatan beliau pecahkan kepada tiga golongan. Pertama, golongan yang bertaqwa lagi *mutqin*

¹⁸ Muslim, *al-Tamyīz*, ed. ‘Abd al-Qādir Muṣṭafā al-‘Muḥammadī (al-Su‘ūdīyyah: Dār Ibn al-Jawzī, 2009), 84.

¹⁹ Muslim, *al-Tamyīz*, 90.

terhadap ilmu mereka perolehi. Kedua, golongan yang sedikit daripada yang pertama dari sudut hafalan dan sikap bermudah-mudah padanya. Ketiga, golongan yang tidak menekuni sanad dan hanya berpada dengan kefahaman teks hadith sahaja.

Terakhirnya, Muslim bin al-Ḥajjāj menyentuh isu seorang perawi yang tidak begitu *ḍābiṭ* (hafal) dalam hadith tetapi tetap menyampaikannya. Maka baginya tiada jaminan terselamat daripada sabda Nabī SAW:

“Sesiapa yang berdusta atas nama aku secara sengaja maka persiapkan tempat duduknya dalam neraka”.

Menurut Muslim: *“Ini kerana wajib keatasnya untuk mengetahui bahawa kesengajaan dalam membawa kecelaruan pada hadith Nabi SAW adalah haram, maka sekiranya diketahui hal tersebut dan tidak dihalang perbuatannya itu maka dia termasuk dalam bab berdusta dengan sengaja, sekiranya dia tidak mengetahui keharaman tersebut maka dia seorang yang jāhil dan wajib keatasnya untuk mengetahuinya dan menjauhkan diri daripada perbuatan tersebut”.*²⁰

SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang berasaskan pendekatan kajian kualitatif. Hal ini disebabkan, kualitatif ialah pendekatan yang paling sesuai dalam memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam²¹ seperti mengkaji berkenaan konsep *qarā'in al-tarjīh* dalam pensabitan *samā'* atau penafiannya terhadap seseorang perawi.

Dalam pengumpulan data, metode dokumentasi digunakan iaitu dengan mengumpulkan sumber-sumber primer dan sekunder dalam mengenal pasti konsep *qarā'in al-tarjīh* dan praktikalitinya terhadap pensabitan *samā'* di antara perawi-perawi hadith. Selain itu, kajian ini akan mengumpulkan konsep *qarā'in al-tarjīh* dalam karya *al-Tamyīz* oleh Muslim bin al-Ḥajjāj. Sumber-sumber selain itu yang digunakan ini diperoleh daripada perpustakaan, artikel jurnal, tesis dan disertasi, koleksi peribadi, buku berbentuk PDF dan *digital library* seperti aplikasi *al-Maktabah al-Shāmilah*.

Berkenaan analisis data pula, metode analisis kandungan diaplikasikan dalam kajian ini bagi mengenal pasti definisi sebenar *qarā'in al-tarjīh* oleh para

²⁰ Muslim, *al-Tamyīz*, 9-12.

²¹ Mohd Awang Idris, Haslina Muhamad, and R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 76.

ilmuwan konvensional dan kontemporari. Selain itu, tema-tema dan pembahagian *qarā'in al-tarjīh* juga akan dijelaskan berdasarkan pendapat-pendapat ilmuwan yang muktabar. Seterusnya, melihat kepada kesinambungan praktikal *qarā'in al-tarjīh* melalui analisis yang dilakukan terhadap karya *al-Tamyīz* oleh Muslim bin al-Hajjāj.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Konsep *Qarā'in al-Tarjīh*

Penggunaan *qarā'in al-tarjīh* diaplikasikan secara meluas dalam kebanyakan bidang ilmu, namun perbincangan kajian ini khusus dalam perspektif hadith sahaja²². Justeru kajian akan menjelaskan mengenai definisi dan peranan *qarā'in al-tarjīh* dalam bidang hadith.

Definisi *Qarā'in al-Tarjīh*

Qarā'in al-tarjīh terdiri daripada dua frasa Bahasa Arab iaitu *qarā'in* dan *tarjīh*. *Qarā'in* merupakan kalimah *jama'* manakala *mufradnya* ialah *qarīnah*²³. Kalimah ini berasal daripada kata kerja *qarana* yang memberi pengertian menghimpunkan sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan kekerasan²⁴. Begitu juga *qarana* bermaksud kebersamaan antara dua perkara.²⁵

Manakala daripada sudut istilah pula, Sāmīr al-Kabīsī berpandangan tiada definisi yang jelas dikeluarkan oleh ahli hadith terdahulu kecuali mereka menggunakannya seperti deria keenam yang ada pada seseorang individu²⁶. Ahmad Ma'bad mendefinisikan *qarīnah* sebagai sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung²⁷. Di samping itu, Ayyub al-Husainī mendefinisikannya sebagai sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa

²² Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarā'in wa Atharuhā fi 'Ilmi Al-Hadīth*. (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012).

²³ "Qarā'in." Al-Ma'āny, 2010, diakses pada 22 November 2023, <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>

²⁴ Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. *Mu'jam Māqayis Al-Lughah*. tahkik Abdul Salam Harun. Vol. 5, Kāherah: Dār al-Fikr, 1979.

²⁵ Ismail bin Ahmad. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-'Arabiyyah*. diedit oleh Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-'Ilm, 1987.

²⁶ Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarā'in Fi Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Taḥdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddīth al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021), 106.

²⁷ Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarā'in Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa I'lālihā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muḥkamah* 18, no. 2 (2021), 253.

disengajakan²⁸. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan *qarānah* secara istilah bermaksud sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 1: Definisi-definisi *Qarā'in*

Bil.	Tokoh	Definisi
1.	Ahmad Ma'bad	Sesuatu yang menunjukkan kepada objektif secara tidak langsung
2.	Ayyub al-Husainī	Sesuatu yang menjelaskan objektif tanpa disengajakan
Kesimpulan	Sesuatu petunjuk yang dikesan secara tidak langsung dan menjelaskan objektif kajian	

Penggunaan *qarānah* mempunyai asas rujukannya daripada syariat. Hal ini boleh dilihat dalam Al-Quran:

وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ ۗ قَالَ بَلْ أِن سَوَّلَتْ لَكُمْ اَنفُسُكُمْ اَمْرًا ۗ فَصَبِرْ
جَمِيلًا ۗ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ

Terjemahan: Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yūsuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata: “Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya, dan Allah jualah yang dipohonkan pertolonganNya, mengenai apa yang kamu katakan itu.

(Surah Yūsuf 12:18)

Al-Qurtubī menceritakan ketika adik-beradik Nabi Yūsuf AS ingin menjadikan darah sebagai satu petunjuk untuk menyokong dakwaan mereka, Allah SWT membalasnya dengan menzahirkan petunjuk bahawa tidak terdapat sebarang kesan gigitan serigala pada baju Nabi Yūsuf AS. Maka ketika Nabi Ya'qūb AS melihat situasi tersebut Baginda tidak mempercayai dakwaan adik-

²⁸ Ayyub al-Husainī. *Al-Kulliyāt Mu'jam Fi Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. tahkik 'Adnān Darwisy. Beirut: Muasasah al-Risālah, 2009.

beradik Nabi Yūsuf AS²⁹. Hal ini menunjukkan penggunaan *qarīnah* telah disyariatkan dalam Islam sejak sekian lama.

Abdullah Muhammad Hasan mengatakan para ilmuwan Islam bersepakat mengenai peranan *qarīnah* dalam ilmu fiqh, bahasa, usul fiqh, ilmu kalam dan hadith secara umumnya walaupun berbeza pada sebahagian aplikasi dan pembahagiannya³⁰. Namun perbincangan bagi kajian ini hanya akan memfokuskan kepada ilmu hadith semata-mata.

Abd Qādir Muhammad merumuskan definisi *qarīnah* dalam ilmu hadith ialah tanda yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubung kait perawi dan riwayat³¹. Menurut Hātim al-Awnī terdapat perbezaan yang jelas antara *qarīnah* dan *dalīl*. Oleh kerana *dalīl* merupakan bukti konkrit, justeru untuk mensabitkan sesuatu mencukupi hanya dengan satu *dalīl*. Manakala *qarīnah* memerlukan lebih daripada satu untuk mensabitkan sesuatu perkara³². Hal ini dapat diilustrasikan seumpama kes pembunuhan. *Dalīl* boleh diumpamakan seperti pengakuan suspek manakala *qarīnah* seperti terdapat motif pembunuhan. Oleh itu, mencukupi pengakuan suspek untuk disabitkan kesalahan membunuh walhal tidak mencukupi semata-mata terdapat motif pembunuhan bahkan perlu disokong oleh *qarīnah* yang lain. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 2: Perbezaan *Qarīnah* dan *Dalīl*

Perbezaan <i>Qarīnah</i> dan <i>Dalīl</i>	
<i>Qarīnah</i>	<i>Dalīl</i>
Definisi: Tanda yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat	Definisi: Bukti yang menunjukkan wujud atau tidak 'illah pada sesebuah hadith berhubungkait perawi dan riwayat
Contoh: Periwatan secara bersendirian merupakan petunjuk kewujudan 'illah sesebuah hadith	Contoh: Pengakuan perawi bahawa dia tersilap merupakan bukti 'illah sesebuah hadith

²⁹ Al-Qurtubī. *Al-Jāmi' Li Ahkām Al-Qur'ān*. tahkik Abdullah bin Abd Muhsin. (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006).

³⁰ Abdullah Muhammad Hasan. *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi 'Ilmi Al-Hadīth*. (Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu'ūn al-Islāmiyyah, 2012).

³¹ Sāmīr al-Kabīsī. "Athar Al-Qarāin Fi Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā' Al-Mubāsyir Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-'Irāqiyah* 3, no. 1 (2021),106.

³² Hātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*. (Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018) 212.

Naurah Didān berpandangan *qarānah* dalam hadith terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *qarā'in al-tarjīh* dan *qarā'in al-ta'līl*. *Qarā'in al-tarjīh* merupakan petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bercanggahan dengan riwayat yang lain. Di samping itu, *qarā'in al-ta'līl* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat bermasalah daripada keduanya³³. Meskipun begitu, Hanān Qamari menambah dua pecahan lain iaitu *qarā'in al-jam'* yang digunakan untuk menggabungkan kedua-dua riwayat dan *qarā'in daf' al-'illah* memberi pengertian petunjuk untuk mengangkat *'illah* yang terdapat pada kedua-dua riwayat³⁴. Rujuk jadual di bawah:

Jadual 3: Pembahagian Qarāin

Bil.	Pembahagian	Definisi
1.	<i>Qarā'in al-Tarjīh</i>	Petunjuk yang digunakan untuk memilih salah satu riwayat yang bercanggahan
2.	<i>Qarā'in al-Ta'līl</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menentukan salah satu riwayat yang bermasalah
3.	<i>Qarā'in al-Jam'</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menerima kedua-dua riwayat
4.	<i>Qarā'in Daf' al-'Illah</i>	Petunjuk yang digunakan untuk menghilangkan <i>'illah</i> yang terdapat pada riwayat

‘Ādil al-Zuraqī berpandangan *qarā'in al-tarjīh* daripada sudut kuantiti terlalu banyak dan tidak dapat ditentukan limitasinya. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dibahagikan kepada dua kelompok iaitu *qarā'in* yang selalu digunakan oleh ilmuwan hadith dan dinamakan *qarā'in 'ammah*, manakala *qarā'in* yang kurang digunakan disebut sebagai *qarā'in khāṣṣah*³⁵. Contoh bagi *qarā'in 'ammah* adalah kekuatan hafalan, bilangan perawi yang meriwayatkan secara selari dan kebersamaan tempat tinggal para perawi dalam sanad. *Qarānah-qarānah* ini seringkali digunakan oleh para muhaddithīn dalam menentukan kesilapan sesebuah hadith. Manakala *qarā'in khāṣṣah* seperti riwayat yang

³³ Naurah Didān. "Qarā'in Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi 'Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqāthi Min Al-Isnād Min Khilālī Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsag Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim (832).

³⁴ Hanān Qamāri. "Ta'arud Qarā'in Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hama Lakhdar University, 2016. (45).

³⁵ ‘Ādil al-Zuraqī. *Ādil Abd Syakur. Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī', 2004.

didatangkan dengan kisah, penggunaan logik, percanggahan dengan fakta sejarah dan sebagainya. *Qarīnah-qarīnah* seperti ini jarang digunakan oleh para muhaddithīn dan hanya terpakai pada hadith-hadith tertentu sahaja.

Peranan Qarā'in al-Tarjīh

Qarā'in al-tarjīh daripada sudut peranan atau penggunaannya terbahagi kepada dua bahagian. Pertama *qarā'in isnādiyyah* iaitu petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan sanad sama ada berkenaan sifat riwayat atau perbincangan keterputusan dan kebersambungan sanad. Bahagian kedua pula dinamakan *qarā'in matniyyah* bermaksud petunjuk-petunjuk yang digunakan pada perbincangan matan atau teks hadith³⁶.

Antara perbincangan *qarā'in al-tarjīh* dalam skop sanad adalah menyentuh berkaitan ilmu *al-jarḥ wa al-ta'dīl*. Al-Haitham Muhammad mendefinisikannya sebagai petunjuk-petunjuk berhubung perawi, tokoh *al-jarḥ wa al-ta'dīl* atau konteks ulasan terhadap perawi yang boleh digunakan untuk menguatkan salah satu pandangan sama ada kritikan atau pujian³⁷.

Selain itu, *qarā'in al-tarjīh* juga digunakan bagi menyelesaikan isu *tadlīs* bagi perawi. *Tadlīs* bermaksud helah yang digunakan oleh perawi. *Tadlīs* tidak sama seperti penipuan bahkan perawi tidak dihukum penipu sekiranya melakukan *tadlīs*³⁸. Justeru itu, *qarā'in al-tarjīh* diaplikasi untuk menyelesaikan masalah sama ada *tadlīs* yang dilakukan oleh perawi tersebut menyebabkan hadithnya tertolak dan tidak diterima³⁹.

Begitu juga *qarā'in al-tarjīh* digunakan dalam isu pensabitan *samā'*. Menurut Majdi 'Atiyyah isu ini berlaku apabila perawi diperselisihkan status *samā'* berbanding perawi lain. Hal ini demikian apabila sebahagian tokoh hadith silam menetapkan berlaku *samā'* antara kedua-dua perawi walhal sebahagian

³⁶ Hanān Qamāri. "Ta'arud Qarāin Al-Tarjih Wa Dawābit Daf'ihā 'Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-'Ilal." Disertasi Master, Echahid Hamma Lakhdar University, 2016.(45).

³⁷ Al-Haitham Muhammad. "Qarāin Al-Tarjih Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta'dīl Al-Muta'aridah 'Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." Disertasi Master, Universiti Tayyibah, 2021.(6).

³⁸ Dzul Dzulraidi. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi* Terengganu: Paddi Resources, 2023, 64.

³⁹ Hātim al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth. (Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018) 210.

tokoh yang lain menafikannya. Justeru pemilihan pandangan dijalankan melalui pendekatan *qarā'in al-tarjīh*⁴⁰.

Contoh yang dapat dikeluarkan adalah situasi *samā'* perawi bernama Abān bin Uthmān bin 'Affān daripada ayahnya. Ahmad bin Hanbal menyatakan Abān tidak ada mengambil riwayat manakala Muslim bin al-Ḥajjāj meriwayatkan dalam sahih beliau hadith Abān daripada ayahnya⁴¹. Situasi lain, *samā'* Ibrāhim bin Abd Rahman bin 'Auf daripada Umar. Al-Bayhaqī menyatakan *samā'* tersebut tidak berlaku sedangkan Ya'qūb bin Shaybah menetapkan sebaliknya⁴².

Justeru menurut Ḥātim al-'Awnī *qarā'in al-tarjīh* digunakan sebagai salah satu metode untuk menyelesaikan masalah ini sekaligus memilih salah satu pandangan yang dikemukakan⁴³. Namun persoalannya apakah contoh praktikal *qarā'in al-tarjīh* yang digunakan oleh Muslim bin al-Ḥajjāj dalam karya beliau ini?

Aplikasi Konsep *Qarā'in al-Tarjīh* oleh Muslim bin al-Ḥajjāj

Kajian menemui Muslim bin al-Ḥajjāj mengemukakan *qarā'in al-tarjīh* terhadap keseluruhan perbincangan *'ilal* dalam *al-Tamyīz* iaitu pada 25 hadith. Kesemua hadith tersebut dikumpulkan dan disusun mengikut susunan asal kitab. Rujukan asas susunan berdasarkan beberapa sumber cetakan iaitu cetakan Dār Ibn al-Jawzī dengan tahkik daripada Abdul Qādir Mustafa al-Muhammadī. Selain itu, cetakan Dār Ibn Hazm dengan tahkik daripada Sālih bin Ahmad. Seterusnya cetakan Maktabah al-Kauthar dengan tahkik daripada Mustafa al-A'zamī. Hal ini berikutan supaya rujukan silang dapat dijalankan antara ketiga-tiga cetakan. Begitu juga kesemua hadith tersebut dilabelkan mengikut penomboran kod agar memudahkan penjelasan di bahagian perbincangan. Setiap hadith diletakkan tema *qarā'in al-tarjīh* yang digunakan sebagai objektif taburan. Tema-tema ini asasnya diambil daripada karya 'Ādil al-Zuraqī bertajuk *Qawā'id Al-Ilal Wa Qarā'in Al-Tarjīh*. Setiap tema *qarā'in al-tarjīh* juga diletakkan kod di sebelahnya bagi tujuan semakan statistik tema berulang. Selain itu, setiap hadith juga dipaparkan bersama bab dan muka surat agar rujukan silang dapat dijalankan. Cetakan yang dijadikan

⁴⁰ Majdi 'Atiyyah. *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*. (Mesir: Maktabah Ibn 'Abbās, 2005), 4.

⁴¹ Majdi 'Atiyyah. *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*, 6.

⁴² Majdi 'Atiyyah. *Al-Ilmā' Fi Itbāth Al-Samā'*, 7.

⁴³ Ḥātim al-Awnī, *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm 'alā al-Ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā' li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018. 212.

asas bagi nombor muka surat adalah cetakan *Maktabah al-Kauthar*⁴⁴. Hal ini berikutan ia terdapat dalam laman *al-Maktabah al-Syāmilah* maka lebih mudah untuk dirujuk kembali. Begitu juga kesemua hadith hanya dipaparkan secara *atrāf* (pangkal teks hadith) sahaja agar dapat menjimatkan ruang kajian. Rumusan taburan hadith adalah berdasarkan jadual berikut:

Jadual 4: Rumusan Taburan *Qarāin al-Tarjīh* dalam *al-Tamyīz*

Kod	Teks Hadith	Tema <i>Qarāin al-Tarjīh</i>	Bab	M/S
A1	يَمْدُ بِمَا صَوَّته	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 4. <i>Qarīnah</i> sependudukan perawi (Q4) 5. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q5) 	<i>Zikr al-Akhbār allatī Nuqilat ‘ala al-Ghalat</i>	180
A2	قضى حاجته ولم يمس ماء حتى ينام	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> sependudukan perawi (Q4) 4. <i>Qarīnah</i> riwayat ahli keluarga (Q6) 	<i>Zikr al-Ahādīth allatī Nuqilat ‘ala al-Ghalat fī Mutūnihā</i>	181
A3	صلى ركعتين ثم سلم فقال ذو الشمالين بن عبد عمرو	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 4. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q7) 	<i>Wa min al-Akhbār al-Manqūlah ‘ala al-Wahm fī al-Matn dūna al-Isnād</i>	182
A4	فصلى ففُتت عن يمينه فجعلني عن يساره	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 4. <i>Qarīnah</i> riwayat ahli keluarga (Q6) 5. <i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat (Q8) 	<i>Al-Khabar al-Manqūlah ‘ala al-Wahm fī Matnihi</i>	184

⁴⁴ Muslim bin al-Ḥajjāj, *al-Tamyīz*. (Saudi: Maktabah al-Kauthar, 1990).

A5	أمرها أن توافي معه صلاة الصُّبح يَوْمَ النَّحْرِ بِمَكَّةَ	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q5) 4. <i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat (Q8) 5. <i>Qarīnah</i> fakta sejarah (Q9) 6. <i>Qarīnah</i> nas daripada tokoh hadith (Q10) 	<i>Wa min al-Akhbār allatī Yahimu fihā Ba'd Nāqilihā</i>	186
A6	اتخذ حجرة في المسجد من حصير	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> fakta sejarah (Q9) 4. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q11) 	<i>Wa min Fāhisy al-Wahm li Ibn Lahī'ah</i>	187
A7	بِسْمِ اللَّهِ وَبِاللَّهِ والتحيات لله	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 2. <i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat (Q8) 3. <i>Qarīnah</i> riwayat secara bersendirian (Q12) 	<i>Al-Khabar al-Manqūlah 'ala al-Wahm fī al-Matn wa al-Isnād Jamī'an</i>	188
A8	كُنَّا نورثه على عهد رَسُولِ اللَّهِ صلى الله عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَعْنِي الْجَدَّ	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> nas daripada tokoh hadith (Q10) 3. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q11) 4. <i>Qarīnah</i> riwayat lain daripada perawi sama (Q13) 	<i>Wa min al-Akhbār allatī Ruwiyat 'ala al-Ghalat wa al-Tashīf</i>	190
A9	من أعتق نَصِيْبًا لَهُ فِي عَبْدٍ	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat (Q8) 	<i>Wa min al-Hadīth allazī fī Matnihi Wahm</i>	190
A10	أَنْ يَحْلِفَ المدْعُونَ خَمْسِينَ يَمِينًا	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> riwayat secara bersendirian (Q12) 	<i>Wa min al-Hadīth allazī Nuqila 'ala al-Wahm fī Matnihi wa lam Yuhfaz</i>	192
A11	يَا فَلَانَ هَلْ تزوجت	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q5) 2. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q11) 3. <i>Qarīnah</i> riwayat secara bersendirian (Q12) 4. <i>Qarīnah</i> <i>Idtirab</i> (percanggahan riwayat yang kompleks) (Q14) 	<i>Zikr Khabar Wāhin Yadfa 'uhu al-Akhbār al-Sihāh</i>	194

A12	أمر ببيع المُدبر في دين الذي دبره	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> sependudukan perawi (Q4) 4. <i>Qarīnah</i> riwayat penduduk Hijaz (Q15) 	<i>Zikr Riwāyat Ukhrā Naqalahā al-Kūfiyūn ‘ala al-Ghalat</i>	196
A13	سؤال جبريل النبي صلى الله عليه وسلم عن الايمان	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 4. <i>Qarīnah</i> sependudukan perawi (Q4) 5. <i>Qarīnah</i> logik (Q16) 	<i>Wa min al-Khabar allazī Lam Yunqal ‘ala al-Sihah</i>	198
A14	ان وقفت عَلَيْهَا قبل الفجر فقد أذرتك	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q11) 	<i>Zikr Riwāyat Fāsīdah bilā ‘Adid lahā</i>	200
A15	أَنْ رَسُولَ اللَّهِ تَوَضَّأَ وَمَسَحَ عَلَى الجوربين والنعلين	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> riwayat ahli keluarga (Q6) 4. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q7) 5. <i>Qarīnah</i> nas daripada tokoh hadith (Q10) 	<i>Zikr Khabar Laysa bi Mahfuz al-Matn</i>	202
A16	من حلف على بيمين فرأى غيرها	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> hadith sahih lain (Q5) 	<i>Zikr Khabar Khata ‘fī Matnihi Yadfa ‘uhu al-Akhhār al-Sihāh</i>	204
A17	من أتى جنازة فأنصرف عليها	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 	<i>Zikr Riwāyat lā Yutāba’ Ruwātuhā fī Matnihā walā fī Isnādihā</i>	206
A18	أكثر من عشرين مرة يقرأ في الركعتي	<ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 4. <i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith (Q11) 	<i>Zikr al-Akhhār allatī fī Isnādihā Ghalat min ba’d Nāqilihā</i>	207

A19	للمقيم يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ وللمسافر ثَلَاثَةٌ أَيَّامٌ وَلَيَالِيَهُنَّ	1. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 2. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q7) 3. <i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi (Q17)	<i>Wa fihā Khabar Ākhar Ghayr Mahfūz al-Isnād</i>	209
A20	صَلِيَتْ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي السَّفَرِ وَالْحَضَرِ	1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q7) 4. <i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi (Q17)	<i>Zikr Khabar Mustankir ‘an Ibn Umar ‘an al-Nabi</i>	210
A21	كَانَ النَّاسُ يُخْرِجُونَ صَدَقَةَ الْفَطْرِ	1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> sependudukan perawi (Q4) 4. <i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi (Q17)	<i>Zikr Riwāyat Fāsīdah Bayyana Khatū’uhā bi Khilāf al-Jamā’ah min al-Huffāz</i>	211
A22	وَقْتُ رَسُولِ اللَّهِ لَا هَلَّ الْعَرَّاقُ قَرْنَا	1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 4. <i>Qarīnah</i> penceritaan kisah (Q7)	<i>Zikr Hadīth Manqūl ‘ala al-Khata’ fī al-Isnād wa al-Matn</i>	212
A23	فَأَمَرَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ تَصُومَ يَوْمًا مَكَانَهُ	1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru (Q3) 4. <i>Qarīnah</i> riwayat secara bersendirian (Q12)	<i>Zikr Hadīth Manqūl ‘ala al-Khata’ fī al-Isnād</i>	216
A24	ذَهَبَ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِحَاجَتِهِ	1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> nas daripada tokoh hadith (Q10) 4. <i>Qarīnah</i> riwayat secara bersendirian (Q12)	<i>Zikr Khabar Ākhar Wahima Mālik fī Isnādihi</i>	219


A25	صَلِيْنَا وَرَاءَ عَمْر بِنِ الْخَطَابِ الصُّبْحِ	1. <i>Qarīnah</i> bilangan (Q1) 2. <i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan (Q2) 3. <i>Qarīnah</i> riwayat secara bersendirian (Q12)	<i>Zikr Hadīth Wahima Mālik bin Anas ft Isnādihi</i>	220
-----	---	---	--	-----

Hasil kajian menemui sejumlah 17 *qarīnah* digunakan oleh Muslim bin al-Ḥajjāj dalam menyelesaikan masalah-masalah ‘illah dalam karya beliau. Rujuk jadual di bawah:

Kod	Senarai <i>Qarīnah</i>
Q1	<i>Qarīnah</i> bilangan
Q2	<i>Qarīnah</i> kekuatan hafalan
Q3	<i>Qarīnah</i> pengkhususan perawi dari seorang guru
Q4	<i>Qarīnah</i> sependudukan perawi
Q5	<i>Qarīnah</i> hadith sahih lain
Q6	<i>Qarīnah</i> riwayat ahli keluarga
Q7	<i>Qarīnah</i> penceritaan kisah
Q8	<i>Qarīnah</i> percanggahan lafaz riwayat
Q9	<i>Qarīnah</i> fakta sejarah
Q10	<i>Qarīnah</i> nas daripada tokoh hadith
Q11	<i>Qarīnah</i> kejanggalan teks hadith
Q12	<i>Qarīnah</i> riwayat secara bersendirian
Q13	<i>Qarīnah</i> riwayat lain daripada perawi sama
Q14	<i>Qarīnah</i> Idtirāb (percanggahan riwayat yang kompleks)
Q15	<i>Qarīnah</i> riwayat penduduk Hijāz
Q16	<i>Qarīnah</i> logik
Q17	<i>Qarīnah</i> bercanggah riwayat dan amalan perawi

Begitu juga didapati Muslim bin al-Ḥajjāj menggunakan lebih daripada satu *qarīnah* untuk menentukan mana satu riwayat yang lebih tepat apabila berlaku percanggahan riwayat. Beliau menggunakan sekurang-kurangnya tiga *qarīnah* dalam satu masalah hadith pada A7, A9, A10, A14, A16, A17 dan A19. Demikian pula maksimum sebanyak lima *qarīnah* iaitu pada A5, A13 dan A15. Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan oleh Hātim al-Awnī bahawa *qarīnah* memerlukan

lebih daripada satu untuk mensabitkan sesuatu perkara⁴⁵. Selain itu, kajian juga melihat Muslim bin al-Ḥajjāj cenderung menggunakan beberapa *qarīnah* secara berulang kali di banyak hadith. Statistik penggunaan *qarīnah* secara berulang dapat dilihat daripada rajah di bawah:



Statistik mendapati Muslim bin al-Ḥajjāj menggunakan *qarīnah* Q1 dan Q2 pada kebanyakan hadith melebihi *qarīnah* lain iaitu *qarīnah* bilangan dan kekuatan hafalan. Hal ini selari seperti apa yang disebutkan oleh ‘Ādil al-Zuraqī bahawa kedua-dua *qarīnah* ini merupakan sebahagian daripada *qarāin* umum yang sentiasa digunakan oleh para ilmuwan hadith untuk menentukan riwayat yang tepat⁴⁶. Muslim bin al-Ḥajjāj dilihat hanya menggunakan *qarīnah* Q13, Q14, Q15 dan Q16 masing-masing sebanyak sekali sahaja. Hal ini berikutan *qarīnah* tersebut merupakan *qarīnah* khusus yang hanya dipakai pada masalah-masalah tertentu sahaja. Begitu juga kajian melihat Muslim bin al-Ḥajjāj tidak cenderung

⁴⁵ Ḥātim al-Awnī, Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth. Beirut: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018 212.

⁴⁶ ‘Ādil al-Zuraqī. ‘Ādil Abd Syakur. *Qawā’id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh Riyadh*. (Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2004).

menggunakan *qarīnah* yang memfokuskan aspek sanad sahaja bahkan juga terhadap aspek matan atau teks hadith. Hal ini dapat diperhatikan daripada penggunaan *qarīnah* Q5, Q9, Q11, Q16 dan Q17.

Justeru itu, hasil kajian di atas telah menjawab objektif bagi memerhatikan aplikasi *Qarāin al-Tarjīh* di sisi Muslim bin al-Ḥajjāj dalam karya beliau *al-Tamyīz*.

KESIMPULAN

Qarā'in al-tarjīh merupakan perbincangan berkenaan sesuatu petunjuk yang dijumpai secara tidak langsung dan dapat dijadikan asas untuk menentukan salah satu antara dua pilihan. Perbincangan ini berkembang kepada bidang-bidang ilmu yang lain termasuklah ilmu hadith. Selain itu, para ilmuwan hadith dalam menyelesaikan masalah 'illah sesebuah hadith mengutamakan pendekatan *al-Tarjīh* (memilih salah satu riwayat) di antara riwayat-riwayat yang mempunyai percanggahan antara satu dengan yang lain berbanding *al-Jam'*. Justeru untuk memilih salah satu riwayat, mereka menggunakan *qarīnah* sebagai alat bantuan bagi mereka.

Muslim bin al-Ḥajjāj bersama karyanya *al-Tamyīz* telah membawa perbincangan ini secara praktikal sebagai sebuah panduan dan latihan bagi pengkaji hadith ketika mendalami ilmu 'ilal *al-hadīth*. Beliau tidak membincangkan mengenai *qarā'in al-tarjīh* secara teori namun daripada praktikal semata-mata. Berkenaan *qarā'in al-tarjīh*, kajian ini mendapati Muslim bin al-Ḥajjāj daripada praktikalnya menyenaraikan sebanyak 17 *qarīnah* yang digunakan bagi menyelesaikan masalah 'illah sesebuah hadith. Daripada kesemua 17 *qarīnah* tersebut beliau mengaplikasikan dua *qarīnah* pada kebanyakan hadith iaitu *qarīnah* bilangan dan kekuatan hafalan. Muslim bin al-Ḥajjāj juga tidak menghadkan penggunaan *qarīnah* kepada skop sanad sahaja bahkan juga terhadap matan. Selain itu, beliau juga menggunakan lebih daripada satu *qarīnah* bagi menyokong pandangan beliau bahkan minimum tiga *qarīnah* digunakan.

Kesimpulannya, berdasarkan 17 *qarā'in al-tarjīh* yang dipamerkan oleh Muslim bin al-Ḥajjāj membawa kepada keperluan terhadap perincian setiap *qarā'in al-tarjīh* berikut. Justifikasinya, beliau mendatangkan 11 bentuk *qarā'in al-tarjīh* dalam skop sanad dan enam dalam skop matan. Justeru itu, kajian ini mencadangkan sebuah kajian lanjutan terhadap usaha ini dalam mengenal pasti *qarā'in al-tarjīh* yang digunakan oleh Muslim bin al-Ḥajjāj dalam kedua-dua skop ini dengan lebih teliti. Kajian akan datang boleh membahaskan daripada

perspektif teori kritik sanad dan matan dengan menjadikan aplikasi Muslim bin al-Ḥajjāj sebagai rujukan utama.

RUJUKAN

- ‘Abd Allāh al-Sa’d. *al-Wajīz fī Sharḥ Kitāb al-Tamyīz*. N.p., n.d.
- ‘Atiyyah, Majdi. *Al-Ilmā’ Fī Itbāth Al-Samā’*. Mesir: Maktabah Ibn ‘Abbās, 2005.
- Ahmad, Ismail bin. *Al-Sihāh Tāj Al-Lughah Wa Sihāh Al-‘Arabiyah*. Disunting oleh Ahmad Abd al-Ghafur. Beirut: Dār al-‘Ilm, 1987.
- al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. *al-Nukat ‘alā Kitāb Ibn al-Ṣalāḥ*. Disunting oleh Rabī’ bin Ḥādī al-Madkhalī. Madinah: ‘Umādah al-Baḥth al-‘Ilmī bi al-Jāmi’ah al-Islāmiyah al-Madīnah al-Munawwarah, 1984.
- al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. *Tahdhīb al-Tahdhīb*. Disunting oleh Ibrāhīm al-Zabīq dan ‘Ādil Mushid. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2014.
- al-Awnī, Ḥātim. *Muqarrar al-Takhrīj wa Manhaj al-Hukm ‘alā al-Ḥadīth*. Beirut: Markaz Namā’ li al-Buḥūth wa al-Dirāsāt, 2018.
- al-Baghdādī, Al-Khaṭīb. *Tārīkh Baghdād*. Disunting oleh Bashār ‘Awwād Ma’rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002.
- al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad. *Siyar A’lām al-Nubalā’*. Disunting oleh Bashār ‘Awwād Ma’rūf. Vol. 12. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985.
- al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad. *Siyar A’lām al-Nubalā’*. Disunting oleh Bashār ‘Awwād Ma’rūf. Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985.
- al-Ghawrī, Sayyid ‘Abd al-Mājid. *‘Ilm ‘Illal al-Ḥadīth Ta’rīfuhu wa Ahammiyyatuhu wa Aimmatuhu wa Kutubuhu*. Selangor: Ma’had wa Dirāsāt al-Ḥadīth al-Sharīf bi Silanjūr, 2019.
- al-Husainī, Ayyub. *Al-Kulliyāt Mu’jam Fī Al-Mustalahāt Wa Al-Furūq Al-Lughawiyah*. Disunting oleh ‘Adnān Darwisy. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2009.
- al-Kabīsī, Sāmīr. "Athar Al-Qarāin Fī Al-Tarjīh Bi Al-Jazm Bi Al-Samā’ Al-Mubāsyr Wa Al-Tahdīth Bihi Mirāran." *Majallah al-Muhaddith al-‘Irāqiyah* 3, no. 1 (2021).
- al-Nawawī, Abū Zakariyā Yaḥyā bin Sharaf. *Tahdhīb al-Asmā’ wa al-Lughāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, n.d.
- al-Qurtubī. *Al-Jāmi’ Li Ahkām Al-Qur’ān*. Disunting oleh Abdullah bin Abd Muhsin. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2006.

- al-Zuraqī, ‘Ādil. *‘Ādil Abd Syakur. Qawā’id Al-Ilal Wa Qarāin Al-Tarjīh Riyadh*. Riyadh: Dār al-Muhaddith li al-Nasyr wa al-Tawzī’, 2004.
- Didān, Naurah. "Qarāin Al-Tarjīh Allatī Wāzana Bihā Al-Hāfidh Al-Mizzzi ‘Inda Al-Ikhtilāf Bi Ziyādah Rāwi Au Isqātihi Min Al-Isnād Min Khilālī Kitābihi Tahzīb Al-Kamāl: Dirāsag Nazariyyah." Tesis PhD, Universiti Qāsim, n.d.
- Dzulraidi, Dzul. *Terjemahan Syarah Muqizah Az-Zahabi*. Terengganu: Paddi Resources, 2023.
- Fākhūrī, Maḥmūd. *al-Muslim bin al-Ḥajjāj bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī Ḥayātuhu wa Ṣaḥīḥuhu*. Mesir: Dār al-Salām li al-Ṭabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’ wa al-Tarjamah, 2016.
- Hasan, Abdullah Muhammad. *Al-Qarāin Wa Atharuhā Fi ‘Ilmi Al-Hadīth*. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah, 2012.
- Ibn Fāris, Ahmad bin Fāris. *Mu’jam Māqayis Al-Lughah*. Disunting oleh Abdul Salam Harun. Vol. 5. Kaherah: Dār al-Fikr, 1979.
- Idris, Mohd Awang, Haslina Muhamad, dan R Zirwatul Aida R Ibrahim. *Metodologi Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.
- Masyaqbah, Abdul Rahman Muhammad. "Athar Al-Qarāin Fi Ikhtilāf Al-Nuqqād Fi Tarjīh Bayna Al-Riwāyāt Wa I’lālihā." *Majallah Nisf Sanawiyah Muhkamah* 18, no. 2 (2021).
- Muhammad, Al-Haitham. "Qarāin Al-Tarjīh Bayna Aqwāl Al-Jarh Wa Al-Ta’dīl Al-Muta’āridah ‘Inda Ibn Addī Fi Kitābihi Al-Kāmil." Tesis Sarjana, Universiti Tayyibah, 2021.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. *al-Tamyīz*. Disunting oleh ‘Abd al-Qādir Muṣṭafā al-Muḥammadī. al-Su’ūdīyyah: Dār Ibn al-Jawzī, 2009.
- Muslim bin al-Ḥajjāj. *al-Tamyīz*. Saudi: Maktabah al-Kauthar, 1990.
- Qamāri, Hanān. "Ta’ārud Qarāin Al-Tarjīh Wa Dawābit Daf’ihā ‘Inda Al-Imām Ibn Abi Hātim Min Khilālī Kitābihi Al-‘Ilal." Tesis Sarjana, Universiti Echahid Hamma Lakhdar, 2016.
- "Qarāin." *Al-Ma’āny*, 2010. Diakses pada 22 November 2023. <https://www.almaany.com/ar/dict/arar/%D9%82%D8%B1%D8%A7%D8%A6%D9%86/>.